

Himpunan raksasa di pekarangan Istana Besar JB

UM 2 DEC 1985

JOHOR BAHARU 1
Dis. — Amanat penting Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad dalam perhimpunan raksasa di pekarangan Istana Besar di sini akan menandakan kemuncak sambutan perayaan ulang-tahun ke-40 UMNO pada 11 Mei tahun depan.

Lebih 3,000 orang termasuk 1,500 perwakilan UMNO dari seluruh negara serta para pemimpin parti komponen Barisan Nasional akan menyertai perhimpunan di pekarangan Istana Besar itu untuk mendengar ucapan Datuk Sri Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO.

Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ajib Ahmad selaku Ketua Perhubungan UMNO Negeri akan menyembah mengadap Yang di-Pertuan Agong yang juga Sultan Johor untuk mendapat kebenaran Seri Paduka mengadakan perhimpunan raksasa itu.

Katanya Istana Besar dipilih oleh jawatankuasa Perhubungan UMNO Negeri untuk mengadakan perhimpunan raksasa itu kerana ia tempat lahirnya UMNO dan mempunyai hubungan rapat dengan sejarah perjuangan parti.

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan UMNO Johor Datuk Shahrir Abdul Samad memberitahu demikian kepada para pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat tertutup Perhubungan UMNO Negeri selama dua jam di bangunan UMNO negeri di sini petang semalam.

Benatu berkata persembahan yang dapat memperingati detik - detik perjuangan sejarah UMNO akan dipersembahkan untuk menyedarkan pahit - maung yang terpaksa ditempuh oleh tokoh - tokoh UMNO dahulu untuk mencapai kemerdekaan dan menegakkan maruah bangsa Melayu.

Persembahan itu akan disusuli dengan pameran tokoh - tokoh pemimpin UMNO serta satu seminar khas mengenai perjuangan UMNO.

Datuk Shahrir berkata Perhubungan UMNO Negeri menubuhkan jawatankuasa induk yang dipeng-

erusikan bersama oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam dan Datuk Ajib yang akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sambutan ulang-tahun UMNO peringkat kebangsaan.

Para perwakilan UMNO seluruh negara akan dijemput menghadiri upacara sambutan peringkat bahagian sehari atau pun dua hari sebelum mereka berlepas ke Johor Baharu untuk mengambil bahagian pada sambutan peringkat kebangsaan.

Datuk Shahrir yang juga Ketua UMNO bahagian Johor Baharu berkata beberapa orang pemimpin

UMNO peringkat bahagian dan cawangan akan dipilih sebagai wakil Perhubungan UMNO Negeri yang akan menjelajahi seluruh negara bagi menjemput wakil dari luar Johor untuk mengambil bahagian.

Katanya cara itu dilakukan untuk menunjukkan kepada para pemimpin generasi muda UMNO sekarang mengenai kaedah - kaedah adat istiadat lama yang pernah digunakan oleh para pemimpin masa lampau untuk memperjuangkan dan mempertahankan parti serta hak asasi orang Melayu di negara ini. — Bernama.